

Bekas wartawan Utusan meninggal dunia

SEREMBAN 16 Feb. - Bekas wartawan *Utusan Malaysia*, Shariff Ahmad, 58, meninggal dunia hari ini di Hospital Tuanku Ja'afar dekat sini kira-kira pukul 12.20 tengah hari akibat tekanan darah tinggi sehingga menyebabkan darahnya beku di otak.

Anak kedua Allahyarham, Nur Syahi-dayu Shariff, 28, berkata, bapanya mula mengalaminya sakit kepala sejak dua minggu lalu sebelum dihantar ke hospital berkenaan pada Sabtu lepas untuk menerima rawatan.

"Keadaan ayah nampak normal dan kami sekeluarga memang tidak mengesyaki apa-apa kerana kebiasaannya ayah jarang berkongsi masalah kesihatannya dengan orang lain.

"Sehinggalah satu masa keadaannya membimbangkan apabila ayah rebah ketika mengambil wuduk untuk menunaikan sembahyang Subuh dan kami terus membawanya ke hospital," katanya di sini hari ini.

Allahyarham yang sebelum ini pernah menjawat jawatan Setiausaha Akhbar kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan bekas Ketua Menteri Melaka, Allahyarham Datuk Seri Abu Zahar Ithnin meninggalkan seorang balu Junaidah Mohd Dorah, 56, tiga orang anak dan tiga orang cucu.

Selain itu, Shariff juga pernah menjadi anggota Majlis Daerah Alor Gajah, Melaka dan penerbit bilik berita Radio Televisyen Malaysia (RTM).



SHARIFF AHMAD

REAKSI ORANG MUDA

Berminat hendak menyertai politik? Sebaik-baiknya selesaikan dulu pelajaran dan pengajian di universiti. Setujukah?



SETUJU, dalam mengharungi arus globalisasi, mahasiswa yang ingin menyertai dunia politik sewajarnya mengutamakan pelajaran ke tahap tinggi tetapi tidak bermakna mereka tidak perlu mengambil tahu hal berkaitan politik kerana sudah terang lagi bersuluh ia merupakan salah satu tanggungjawab kita sebagai seorang rakyat Malaysia."

**MOHAMAD NAJIB
MOHAMAD FAUZI
Politeknik Tuanku Sultanah
Bahiyah (PTSb)**



"MAHASISWA seharusnya tidak perlu melibatkan diri secara langsung dalam arena politik arus perdana melibatkan diri kerana sebagai pelajar, mereka perlu sedar akan tanggungjawab utama ke universiti adalah untuk belajar. Namun, tidak salah untuk mengambil tahu tentang perkembangan isu politik semasa kerana ia juga salah satu bentuk pembelajaran dan kita kena sedar

bahawa golongan ini merupakan perintis pemimpin masa hadapan."

**NUR FARIS HASLI
Universiti Pendidikan Sultan
Idris (UPSI)**



"TIDAK setuju kerana politik arus perdana ini boleh menjadikan seseorang yang matang dan lebih peka dengan keadaan isu semasa politik negara kita. Selain itu, pelajaran yang dipelajari mampu menjadikan petunjuk dalam mentadbir sesebuah parti mahupun organisasi. Politik dan pelajaran juga boleh diseimbangkan dengan seadil-adilnya."

**MOHAMAD ZHAIRUL
IQUMAL JUMARI
Universiti Tun Hussien Onn
Malaysia (UTHM)**

"MAHASISWA seharusnya matang dan memiliki daya intelektual dalam mengkaji setiap isu yang dibawa oleh politik arus perdana. Seharusnya mereka tidak mengetepikan pelajaran kerana ia merupakan matlamat utama seseorang itu memasuki menara gading. Budaya negatif yang dibawa oleh ahli politik tidak seharusnya diikuti oleh mahasiswa sehingga ada segelintir yang sanggup ponteng kuliah serta menangguhkan semesternya untuk terlibat dengan gerakan politik."

**MUHAMMAD
NURSYAZWAN ZAINUDIN
Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniZA)**